

25/02/2004

Teruskan teka-teki: PM (HL)

Kadir Dikoh; Azman Zakaria

PETALING JAYA: Ketika pelbagai pihak meramalkan pembubaran Parlimen semakin hampir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam secara berseloroh mahu pihak media terus membuat tekaan tanpa memberi bayangan bila pilihan raya umum ke-11 akan diadakan.

Perdana Menteri yang tetap berahsia dan tidak mahu diheret wartawan yang cuba mendapatkan bayangan mengenai tarikh pembubaran Parlimen, berkata beliau memang sudah menjangka pemberita akan bertanya mengenai perkara itu.

"Saya memang menjangka anda akan bertanya soalan seperti ini. Berseronoklah dengan membuat spekulasi," katanya ringkas ketika menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Persidangan Ekonomi Malaysia-China 2004 di sini.

Ramalan berhubung pembubaran Parlimen dalam tempoh terdekat ini bertambah kuat apabila Abdullah dikatakan tidak akan menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) di Caracas, Venezuela pada 27 dan 28 Februari ini.

Tun Dr Mahathir Mohamad pernah membatalkan lawatannya ke Afrika Selatan pada 1999 dan tidak lama selepas itu Parlimen dibubarkan ketika Dewan Rakyat sedang bersidang.

Abdullah yang sekali lagi ditanya sama ada beliau sudah membuat keputusan akan menghadiri sidang kemuncak G-15, berkata: "Saya perlu bermesyuarat untuk memutuskan sama ada saya akan pergi atau tidak."

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau seharusnya pergi ke Venezuela semalam tetapi mengambil keputusan untuk merasmikan Persidangan Ekonomi Malaysia-China 2004 itu.

Beliau berkata, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng yang juga Pengerusi Pusat Perundingan Industri Kecil dan Sederhana Kebangsaan - penganjur persidangan itu, mengingatkannya untuk menghadiri majlis itu.

Sementara itu, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail ketika dihubungi berkata Parlimen boleh dibubarkan pada bila-bila masa walaupun ketika persidangan Dewan Rakyat berlangsung mulai 8 Mac ini.

"Tiada halangan untuk berbuat demikian... semuanya terpulang kepada Perdana Menteri bila hendak membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum ke-11 diadakan," katanya.

Mesyuarat pertama penggal keenam Parlimen ke-10 akan bermula 8 Mac hingga 15 April ini menyebabkan sesetengah pihak berpendapat Dewan Rakyat tidak akan dibubarkan sebelum 8 Mac.

Ini kerana Dewan Rakyat dikatakan mesti bersidang walaupun sehari dua bagi membolehkan rang undang-undang penting diluluskan terlebih dulu.

Menurut kenyataan Dewan Rakyat baru-baru ini, tidak ada rang undang-undang dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada sidang Dewan Rakyat bermula 8 Mac ini.

Sebaliknya, 13 rang undang-undang tahun lalu dibawa untuk bacaan kali kedua pada sidang itu yang dijadual dirasmikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Mohamed Zahir berkata, tidak benar Parlimen tidak boleh dibubarkan sebelum 8 Mac ini kerana sidang kali ini bukan untuk membentangkan bajet.

Pada pilihan raya umum lalu, Parlimen dibubarkan ketika Dewan Rakyat masih bersidang. Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pembubaran Parlimen pada hari ke-14 sidang Dewan Rakyat.

Persidangan itu yang bermula 18 Oktober 1999 sepatutnya berakhir 9 Disember 1999. Itu adalah kali pertama Parlimen dibubarkan ketika Dewan Rakyat bersidang.

Mohamed Zahir juga berkata, ruang tempat duduk Ahli Parlimen kini sudah diubahsuai dengan tambahan 25 kerusi, menjadikannya 219 kerusi berikutan tambahan 25 kerusi Parlimen.

"Apabila Dewan Rakyat mula bersidang 8 Mac ini, maka 219 kerusi itu sudah disediakan tetapi kita biarkan dulu 25 kerusi itu kosong untuk diisi anggota baru selepas pilihan raya umum nanti," katanya.

Walaupun tempoh penggal Parlimen sekarang hanya berakhir pada 20 Disember ini, pelbagai pihak meramalkan pilihan raya umum ke-11 kemungkinan besar diadakan serentak dengan pilihan raya negeri Sabah yang tempoh Dewan Undangan Negerinya, berakhir 12 April.

Selain itu, ada yang meramalkan Parlimen dibubar sebelum Dewan Rakyat bersidang 8 Mac ini dan kebiasaannya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bermesyuarat dua tiga hari kemudian untuk menetapkan tarikh penamaan calon dan pengundian.

Cuti persekolahan bermula 13 Mac hingga 21 Mac manakala perlumbaan kereta Formula Satu (F1) di Litar Sepang bermula 19 hingga 21 Mac. Faktor ini dipercayai turut mempengaruhi SPR menetapkan tarikh penamaan calon dan pengundian nanti.

Dalam pada itu, semua 13 parti komponen Barisan Nasional (BN) yang sudah diarah bersiap sedia, dikatakan berada pada peringkat akhir menyediakan senarai calon manakala pengagihan kerusi untuk dipertandingkan, dijangka diselesaikan seminggu lagi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan BN yang dianggotai 12 Presiden atau Pengerusi parti komponen, dijangka mengadakan mesyuarat bagi membincang pengagihan kerusi, akhir minggu ini atau minggu depan.

Malah manifesto tambahan untuk Kelantan dan Terengganu sudah siap dan sumber memberitahu, ia kini berada di pejabat Perdana Menteri untuk diperhalusi dan dikeluarkan serentak dengan Manifesto BN Pusat.